

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD. RAHM [SIK]

TARIKH : 13 OKTOBER 2014

SOALAN :

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan secara terperinci menerangkan kenapa sehingga sekarang tidak dapat menetapkan harga lantai bagi getah sedangkan masih ada cara dan mekanisme untuk berbuat demikian. Rakyat menerima bantuan 'one-off' dengan gembira tetapi apa yang rakyat mahu ialah penetapan harga getah yang munasabah. Pemberian bantuan RM500 hanya akan bertahan sebulan bagi sesebuah keluarga yang berpendapatan rendah di luar bandar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak dapat mempertimbangkan cadangan mewujudkan harga lantai bagi getah berdasarkan kepada fakta-fakta berikut:

- i. Menyediakan ruang kepada aktiviti spekulasi harga di mana para pedagang getah akan menekan harga ke paras rendah mengambil kira bahawa Kerajaan akan menampung perbezaan di antara harga pasaran dan harga lantai;
- ii. Menyediakan ruang kepada aktiviti penyeludupan getah dari luar negara memandangkan harga tempatan adalah lebih tinggi berbanding dengan harga antarabangsa; dan
- iii. Penetapan harga lantai memerlukan sumber kewangan yang tinggi bagi menyokongnya sekiranya harga getah asli dunia mengalami tren penurunan yang mendadak.

Kerajaan menyedari kesan penurunan harga terhadap pendapatan para pengusaha tanaman getah yang kebanyakannya terdiri daripada pekebun kecil. Dalam hal ini, Kementerian bersama Lembaga Getah Malaysia (LGM) akan melaksanakan mekanisme kawalan selia harga getah di peringkat ladang mulai bulan November 2014. Ini akan

mbolehkan LGM menetapkan margin keuntungan bagi memastikan pekebun kecil mendapat harga yang berpatutan.

Sekian, terima kasih.